

31) PERUMAHAN M40 DAN B40

Adun : Y.B. Tuan Dr. Mohd Zamri Bin Mohd Zainuldin (Sungai Burong)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Berapakah jumlah permohonan rumah Selangorku yang gagal, dari senarai taburannya mengikut daerah?

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod Sistem Permohonan Hartanah Negeri Selangor di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor, jumlah permohonan Rumah Selangorku yang gagal mendapat tawaran dari senarai taburannya mengikut daerah adalah seperti berikut:-

STATISTIK	JUMLAH
Gombak	6,573
Hulu Langat	4,693
Hulu Selangor	1,726
Klang	3,364
Kuala Langat	2,129
Kuala Selangor	2,584
Petaling	12,060
Sepang	6,723
Sabak Bernam	291
JUMLAH KESELURUHAN	40,143

- b) Bagaimana pula dengan DUN luar bandar yang tak dilibatkan?

TOLAK

- c) **Bagi memperkukuh akses pemilikan rumah di luar bandar, adakah kerajaan bercadang melaksanakan projek rintis Rumah Selangorku berskala kecil (<5 ekar) melalui usahasama koperasi atau masjid di DUN luar bandar seperti Sungai Burong?**

Untuk makluman Yang Berhormat, merujuk kepada Pekeliling Dasar Rumah Selangorku 3.0 yang berkuatkuasa pemakaiannya pada 3 Januari 2023, kawasan Sungai Burong telah diklasifikasikan dalam Zon 4 yang merupakan kawasan luar bandar. Zon kawasan luar bandar ini merangkumi keseluruhan Daerah Sabak Bernam, sebahagian Daerah Kuala Selangor dan sebahagian daerah Hulu Selangor.

Di dalam dasar tersebut juga menggariskan bahawa tanah berkeluasan kurang daripada 5 ekar di dalam Zon 4 tersebut dikecualikan daripada membina Rumah Selangorku, ini kerana kawasan luar bandar masih mempunyai kedapatan tanah yang banyak untuk membina rumah bertanah pada densiti yang rendah.

Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan daripada mana-mana pihak sekiranya berhasrat untuk membina Rumah Selangorku di dalam Zon tersebut dan Kerajaan Negeri akan membantu memudahkan projek tersebut dengan mematuhi proses dan tatacara yang telah ditetapkan.